

Kereta api KL-Singapura: Ambil kira pandangan semua

UM-2/4/2007

SEBAGAI salah seorang pengguna perkhidmatan pengangkutan, saya berpendapat pelaksanaan projek kereta api laju KL-Singapura ada meritnya. Perjalanan akan menjadi lebih efisien antara kedua-dua negara. Pergerakan pelancong juga akan menjadi lebih mudah. Projek berkenaan mungkin akan dapat memacu ekonomi kedua-dua negara jika kena gayanya.

Namun, kajian feasibiliti mendalam hendaklah dibuat, bukan sahaja oleh pihak swasta yang berminat, tetapi juga pihak awam kerana ia membabitkan banyak kesan kepada negara. Kajian pihak swasta akan lebih menjurus kepada kesan-kesan positif sahaja kerana mereka bermotifkan keuntungan. Kajian pihak awam akan memastikan semua faktor diambil kira terutama dari segi sosio-politik negara pada masa akan datang kerana projek berkenaan melibatkan negara luar dan juga membabitkan impli-

kasi kewangan yang besar, walaupun jika ia menggunakan dana swasta sepenuhnya. Maksud saya, sekiranya dilaksanakan tetapi akhirnya tidak berdaya saing, berkemungkinan kerajaan akan terpaksa campur tangan dan ini sudah pasti membabitkan wang awam.

Berkemungkinan juga sekiranya kajian mendalam dibuat termasuk keperluan-keperluannya pada masa sekarang, projek berkenaan berdaya saing, tetapi bukan pada waktu terdekat. Mungkin lebih sesuai ketika projek bersepadu Gerbang Selatan telah menjadi pemangkin kemajuan ekonomi negara yang pastinya akan memerlukan kemudahan-kemudahan sampingan seperti projek berkenaan.

Landasan berkenaan juga hendaklah disambung dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang ke Singapura kerana sudah ada landasan kereta api laju dari Kuala Lumpur ke KLIA. Ini bukan sahaja menji-

matkan kos, malah memastikan KLIA terus berdaya saing untuk menjadi lapangan terbang hab utama rantau ini. Dengan usaha bersungguh-sungguh, saya berpendapat akan lebih banyak syarikat penerbangan antarabangsa akan menggunakan KLIA kerana kedudukannya yang amat kompetitif berbanding lapangan-lapangan terbang lain di rantau ini. Klien-klien syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa berkenaan terutamanya dari kelas perniagaan akan dapat berurusan dengan Kuala Lumpur, Singapura dan Johor secara lebih efisien.

Projek juga hendaklah membabitkan konsortium syarikat-syarikat yang berminat. Tidak adil jika hanya satu syarikat sahaja yang mengendalikan dan mengambil keuntungan dalam projek yang begitu besar.

Saya berpendapat sekiranya projek tersebut sememangnya berdaya saing, ia pasti juga menarik minat syarikat-syarikat

besar berkemampuan yang lain termasuk syarikat-syarikat bumiputera. Penglibatan mereka sudah pasti dapat memacu kearah mempercepatkan pencapaian matlamat dasar pembangunan negara.

Namun, faktor kenapa Singapura berkemungkinan bersetuju dengan projek berkenaan juga perlu diambil kira. Berdasarkan pengalaman yang lepas, negara berkenaan bertegas supaya hubungan dua hala diselesaikan secara berpakej. Dalam hal ini projek berkenaan boleh dijadikan kuasa berunding (*bargaining power*) dalam menyelesaikan masalah dua hala yang lain.

Sekiranya ini berlaku, hubungan dua hala akan menjadi lebih positif dan kedua-dua negara akan dapat memberikan penumpuan kepada pembangunan ekonomi bersama pada masa akan datang.

**- RAZIF MUBIN,
New York.**